

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, September 18, 2019 4:35 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar Pasca Siswazah Antarabangsa Sertai Perkhemahan Integrasi Unit Beruniform



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 SEPTEMBER 2019 / 18 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Prof. Madya Dr. Norazlinda Saad
Gambar oleh: Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden

PELAJAR PASCA SISWAZAH ANTARABANGSA SERTA PERKHEMAHAN INTEGRASI UNIT BERUNIFORM



UUM ONLINE: Seramai 12 pelajar pasca siswazah Universiti Utara Malaysia dari Algeria, Indonesia, Nigeria, Jordan, Iraq, Syria, China, Kenya dan Thailand telah mengikuti Perkhemahan Integrasi Unit Beruniform Peringkat Antarabangsa di Kem Damai Park Resort, Merbok, baru-baru ini.

Program perkhemahan itu merupakan anjuran bersama Sekolah Kebangsaan Convent Father Barre, Sungai Petani dan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, UUM.

Ketua Jabatan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Prof. Madya Dr. Norazlinda Saad berkata, perkhemahan tersebut turut disertai 350 murid terdiri ahli unit beruniform dari Sekolah Berprestasi Tinggi, Sekolah Kluster Kecemerlangan, sekolah jaringan, sekolah harian dan pelajar luar negara.

Menurutnya, program perkhemahan ini bertujuan memupuk semangat kerjasama dan berdikari serta meningkatkan motivasi dan keyakinan diri setiap peserta.

"Program perkhemahan ini telah berjaya mengeratkan hubungan antara peserta dari dalam dan luar negara dan telah mewujudkan perkongsian budaya yang sihat.

"Perkhemahan ini juga menggalakkan integrasi nasional, membantu murid untuk memahami kebudayaan dan kepercayaan yang pelbagai serta menghormati pegangan agama mengikut kefahaman masing-masing," katanya.

Pelbagai aktiviti dan pertandingan telah diadakan sepanjang perkhemahan antaranya pertandingan rempuh halangan/jungle tracking/flying fox, pertandingan ikatan, pertandingan permainan KIM, malam persembahan, senamrobik dan tazkirah.

Majlis perasmian penutup disempurnakan Ahli Parlimen Merbok, Nor Azrina Surip dan turut hadir Guru Besar Sekolah Kebangsaan Convent Father Barre, Fauziah Othman.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.